

Komik, Inspirasiku Sebagai Saintis

written by Hazrul | 10/05/2024



Saya merupakan anak gadis kelahiran Sarawak, anak darah kacukan Melayu dan Cina. Semasa kecil, saya tidak pernah membayangkan bahawa saya akan menjadi seorang ahli saintis. Saya seorang yang senyap dan tidak suka berinteraksi dengan orang. Pemalu dan kadang-kadang kawan saya mengistilah saya dengan perkataan '*blur*' kerana saya selalu kelihatan dalam dunia sendiri dan kelihatan seperti tidak berapa faham.

Sewaktu remaja, saya tidak mempunyai cita-cita yang jelas, dan lebih mengikut laluan yang ditunjukkan kepada saya. Saya memasuki aliran sains kerana pada masa itu, sains dianggap penting dan saya juga tidak meminati bidang sastera, seni ataupun sains sosial. Saya boleh dianggap pelajar dengan keputusan sederhana sewaktu di sekolah menengah. Seorang pelajar yang agak ganjil juga, sebab saya antara budak perempuan di sekolah yang minat membaca komik sehingga mendapat gelaran 'Ratu Komik'. Pada zaman itu, komik seperti '[Dragon Ball](#)', '[Yuyu Hakusho](#)', '[Pakar Judo](#)' dan banyak lagi sangat terkenal. Dan saya boleh dikatakan membaca semua komik yang ada pada masa itu. Saya sangat berminat dengan komik sebab karakter komik sangat menarik, dan selalu bersemangat serta tidak berputus asa. Jalan cerita komik yang selalu mencabar dan penuh dugaan, juga sangat menarik, ditambah dengan elemen humor.

Hairan bin ajaib; Alhamdulillah! dengan izin Allah, saya mendapat tawaran biasiswa [MARA](#) untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara selepas tamat SPM, walaupun kawan-kawan lain pada hemat saya lebih hebat dan layak. Ibu dan ayah saya pun terkejut, sebab anak yang paling senyap dan '*blur*' mendapat tawaran ini. Tetapi disebabkan ini merupakan satu-satunya peluang seumur hidup, mereka merestukan pemergian saya.

Saya mengambil laluan pintas melalui Diploma [International Baccalaureate](#) (IB) di [Kolej MARA Banting](#), Selangor. Ini adalah kali pertama saya keluar daripada kepompong selesai dengan berjauh dari keluarga dan memasuki asrama. Program IB ini sepatutnya merupakan program 2 tahun, yang telah dipendekkan ke 1 tahun 6 bulan. Ini adalah kerana kerajaan baru menghantar semula pelajar ke luar negara pada tahun itu selepas inflasi. Pada ketika itu, kami diberi pilihan samada bidang kejuruteraan ataupun kedoktoran, dan atas sebab saya tidak boleh membayangkan diri saya membuat pembedahan dan melihat darah, jadi saya memilih mengambil kejuruteraan.



Alhamdulillah, selesai program diploma tersebut, saya mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke [University of Manchester](#) di United Kingdom di dalam bidang [Kejuruteraan Kimia](#). Apa itu kejuruteraan kimia? Dalam kata mudah, satu bidang kejuruteraan yang terlibat dalam penghasilan dan pengoptimuman proses untuk digunakan dalam pembuatan produk skala industri seperti makanan, minuman, ubat-ubatan, plastik, bahan bakar, dan banyak lagi.

Belajar di luar negara sangat banyak membuka mata saya. Bak kata papatah, *jauh perjalanan, luas pemandangan*. Sambil menyiapkan pengajian, saya dan rakan-rakan sangat suka merantau di sekitar Eropah. Kami berkerja secara separuh masa dalam pelbagai pekerjaan seperti menjual ais krim, pembersih domestik dan pekerja kilang untuk mencari duit lebih kerana duit biasiswa tidak mencukupi. Pengalaman yang sangat menarik dan mengajar saya pengurusan masa, dan mengajar saya erti penat lelah ibu dan ayah bekerja mencari wang.



Alhamdulillah, saya tamat pengajian dan kembali ke Malaysia. Pada ketika itu, walaupun telah mendapat ijazah Kejuruteraan Kimia, saya merasakan bahawa ilmu saya masih belum mencukupi. Terasa berdebar memikirkan fasa kehidupan yang seterusnya, untuk mencari pekerjaan.

Pada permulaan, saya cuba mencari pekerjaan sebagai jurutera kimia. Tetapi rezeki saya mendapat tawaran di dalam bidang akademik sebagai seorang pensyarah. Pada mulanya saya tidak berapa memahami apakah tugas seorang pensyarah? Adakah cuma mengajar? Saya merasa agak gementar pada ketika itu sebab saya seorang introvert, dan tidak suka bercakap di khalayak ramai. Boleh ke saya menjadi seorang pensyarah yang baik?

Selepas memasuki bidang pekerjaan ini, barulah saya faham seorang pensyarah perlu melaksanakan '5P' iaitu pengajaran, penyelidikan, penulisan, perundingan dan perkhidmatan masyarakat.



Saya kemudian menyambung pelajaran ke PhD di dalam bidang Kejuruteraan Kimia. Saya sangat bertuah kerana mempunyai seorang penyelia yang sangat hebat dari kesemua 5P ini, dan saya sangat banyak belajar daripada beliau sewaktu menjadi pelajar PhD. Beliau banyak mencabar saya membuat sesuatu di luar zon selesa saya. Rasanya di sinilah mula minat sebagai seorang saintis mula tertanam di dalam diri saya.

Walaupun keputusan peperiksaan saya agak sederhana di dalam bidang pengajian sebelum ini, saya dapati saya sangat berminat membuat penyelidikan di dalam bidang kejuruteraan sistem yang banyak terlibat di dalam menyelesaikan masalah di industri. Alhamdulillah, apabila diberi cabaran demi cabaran oleh penyelia saya, saya berjaya mengharungi PhD dengan prestasi yang juga mengejutkan diri saya. Saya berjaya menyiapkan PhD dalam masa kurang tiga tahun, menerbitkan pelbagai jurnal dan artikel, memenangi pingat pertandingan inovasi penyelidikan, terlibat di dalam beberapa projek perundingan dengan industri dan banyak lagi sepanjang pengajian saya. Apabila saya fikirkan semula, baru saya sedari bahawa setiap orang mempunyai bakat, yang sekiranya digilap dengan betul, akan boleh mengeluarkan sinar.

Daripada seorang introvert, saya mula membina keyakinan diri. Selepas tamat PhD, saya menjadi seorang pensyarah. Dan saya meneruskan minat saya di dalam bidang penyelidikan, perundingan, dan juga pengkomersialan. Saya sangat meminati projek berkaitan industri, dan banyak membuat penyelidikan cara untuk pemuliharaan sumber seperti penjimatan tenaga dan air. Kami juga mengkomersialkan hasil penyelidikan menjadi produk, dan telah menubuhkan sebuah syarikat hiliran [UTM](#).

Pada pendapat saya dunia penyelidikan adalah sangat menarik. Mungkin atas sebab dulu saya sangat sukakan komik, dan sedikit terpengaruh dengan watak komik yang sukakan cabaran, bersemangat dan tidak berputus asa. Saya menyalurkan penghayatan watak-watak komik ini

ke dalam minat penyelidikan saya.

Untuk adik-adik di luar sana, terutamanya mereka seperti saya sewaktu remaja yang masih mencari-cari identiti dan tidak tahu arah hendak dituju, pesanan saya percayalah kepada kata hati, dan usahalah untuk menjadi terbaik di dalam apa-apa yang hendak diceburi. Untuk peminat komik seperti saya, jangan berhenti setakat membaca cerita, hayati dan jadikanlah diri anda seperti watak berkenaan, senantiasa bersemangat dan tidak pernah berputus asa dalam apa-apa bidang pilihan anda sama ada menjadi saintis ataupun yang lain. Semoga berjaya semua!



Disediakan oleh:

Professor Ir. Ts. Dr. Sharifah Rafidah Wan Alwi

Universiti Teknologi Malaysia

Sharifah mendapat gelaran Professor pada umur 35 tahun. Beliau mendapat pelbagai anugerah kebangsaan dan antarabangsa, seperti [Green Talents](#), [ASEAN Young Scientist and Technologist Award](#), [Anugerah Saintis Muda Negara](#), [ASEAN-US Science Prize for Women](#), [Malaysia Research Star Award](#), and [Top Research Scientists Malaysia](#). Beliau juga diiktiraf sebagai salah seorang daripada '8 Saintis Wanita dari Asia yang Anda Perlu Tahu' pada tahun 2021 oleh [AsianScientist.com](#).

—

Artikel ini disediakan di bawah siri Inspirasi Saintis Muda Wanita, sebuah kolaborasi antara e-estidotmy dengan Young Scientists Network-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM).

